



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**24 - 27 NOVEMBER 2023 (JUMAAT - ISNIN)**

## Penternak Mula Pindah Haiwan Ke Tempat Tinggi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Edisi	Online	24 Nov



Syazwan Hakimi mula memindahkan ternakannya selepas padang mula digenangi banjir di Kampung Serungga, Pasir Mas.

PASIR MAS - Penternak lembu di Kampung Serungga di sini mula memindahkan ternakan ke tempat lebih tinggi berikutan Sungai Golok yang melepasi paras bahaya pada Jumaat.

Penternak, Syazwan Hakimi Mohd Nuh, 22, berkata, sebanyak 20 lembu miliknya dipindahkan bagi mengelak mati dalam banjir.

Katanya, lembu kebiasaannya pandai berenang namun jika arus air terlalu deras, ia berisiko untuk letih dan kemudiannya lemas.

“Seekor lembu sudah dialihkan dari Serungga 2 kerana kawasan itu sudah dinaiki air mencecah 0.5 meter.

“Sebahagian berada di dalam kebun sawit manakala sebahagian lagi dibawa sejauh dua kilometer ke Taman Halal Pasir Mas dan diletakkan di kawasan itu kerana kedudukannya lebih tinggi daripada Kampung Serungga,” katanya ketika ditemui di kampung berkenaan, di sini pada Jumaat.

Menurutnya, pada Disember tahun lalu, tujuh anak lembu berusia kira-kira dua tahun miliknya lemas semasa berenang untuk menyelamatkan diri semasa dalam banjir.

Katanya, kematian ternakannya itu menyebabkan dia mengalami kerugian kira-kira RM7,000.

“Kali ini saya ambil langkah lebih awal untuk mengelakkan perkara sama berulang.

“Kalau tidak, saya yang terpaksa berenang bersama dengan lembu untuk menyelamatkan haiwan-haiwan ini,” katanya.

Selain penternak, penduduk juga berwaspada dan bersiap sedia untuk berpindah sekiranya banjir melanda kampung berkenaan.

Kata peniaga, Che Rohana Ismail, 56, barangan seperti pakaian dan permaidani sudah siap disimpan di atas loteng rumah.

“Saya tidak mahu kejadian pada Disember tahun lalu berulang lagi apabila terpaksa meredah banjir setinggi 0.7 meter pada waktu tengah malam.

“Waktu itu juga saya kerugian sehingga RM20,000 kerana barangan niaga hanyut dan rosak akibat tidak sempat diselamatkan,” ujarnya.

Setakat petang Jumaat, paras Sungai Golok mencatat bacaan 9.04 meter.-  
[SinarHarian](#)

## Stable Supply, Stable Prices To Last Through December

<b>MEDIA</b>	<b>RUANGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>	<b>TARIKH</b>
TheStar	Nation	Online	26 Nov

PETALING JAYA: The country's chicken supply is projected to surpass demand this month with excess production extending to December.

According to the Veterinary Services Department (DVS), the industry is gearing up for a market adjustment to maintain price stability.

But in the likelihood of temporary and localised supply disruptions, the Agriculture and Food Security Ministry, through the Farmers' Organisation Board (LPP), has taken measures by stockpiling imported chicken.

Replying to queries from The Star, the DVS said this strategic reserve is intended to address any unforeseen shortages, especially during the high-demand holiday season at the end of the year.

Last year, Malaysia imported a substantial 146.4 million kg of chicken meat (cuts) from countries such as Brazil, China, Denmark, the Netherlands, and Thailand. This amounted to a total value of RM8.6bil.

Additionally, 6.77 million kg of whole chicken were imported from Brazil and Thailand, valued at RM60.3mil.

Additionally, 6.77 million kg of whole chicken were imported from Brazil and Thailand, valued at RM60.3mil.

Farms in Malaysia have produced 629.7 million chickens between January and October this year.

On Nov 1, the government lifted price controls and subsidies for chicken. Prior to this, whole chickens were priced at RM9.40 per kg.

Pudu Hawkers and Petty Traders Association chairman Lim Kin He affirmed that chicken supply had been stable this month.

"The local chicken supply is currently stable, with no shortages," he said.

"But market demand is sluggish, leading to an average business turnover decrease of 5% to 8%," he

said.

“We anticipate that with the onset of the festive season and school holidays, there will be an upswing in the demand for chicken next month. But the price will stay the same,” he added.

Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin anticipated that chicken prices would remain stable from now through December.

He said that the removal of price controls by the government, which stimulated increased production, reduced chicken prices from RM8.80 to approximately RM7.20 to RM7.50.

“Chicken prices in hypermarkets now range from RM7.40 to RM7.90, a significant decrease from the previous prices of RM10, RM10.50, or RM11,” he said.

While acknowledging the significance of lifting price controls to promote investment in the poultry industry, he suggested the government manage a “hybrid” float system in which the prices could range between RM8 and RM11.

Ameer said he believes this approach would strike a balance between industry sustainability and affordability to consumers.

In Penang, Sunshine Whole Mart Sdn Bhd marketing and communication manager Bryan Wong said with the coming festivities, the price of whole chickens may not necessarily go up.

Earlier this month, Supermarket Sunshine Square drew crowds when it sold whole chickens at just RM6.99 per kg to mark its 63rd anniversary.

Its current selling price is RM8.20 each kg.

Malaysians eat about 70.43 million chickens per month or 845.16 million birds yearly. On average, each person in the country consumes about 48kg of chicken per year.-

[TheStar](#)

## Inisiatif KKDW Bantu Angkat Martabat, Perkasa Peranan Peladang, Penternak, Nelayan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BHOnline	Nasional	Online	26 Nov



FELCRA, antara agensi KKDW bekerjasama dengan Kerajaan Sarawak dan Sabah membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah bagi penanaman padi secara berkelompok dan menyediakan bekalan hampir 300,000 tan setahun. - BERNAMA/FOTO HIASAN

KUALA LUMPUR: Melepasi setahun pentadbiran Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) antara yang banyak menggerakkan usaha ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat di lokaliti sasaran.

Diterajui Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Timbalan Perdana Menteri, pelbagai inisiatif KKDW bagi meningkatkan pengeluaran makanan dalam negara, berkesan ke arah membantu mengangkat martabat dan

memperkasa peranan golongan peladang, penternak serta nelayan dalam sektor agromakanan tempatan.

Pengerusi FELCRA Berhad (FELCRA), Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, berkata KKDW bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan luar bandar tetapi turut berusaha menjamin bekalan makanan negara dan membawa golongan petani keluar daripada status miskin tegar.

Di bawah KKDW, katanya,

dalam setahun ini FELCRA diberi tanggungjawab memastikan bekalan makanan terutama beras dan yang berasaskan agro pertanian terjamin, di samping menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

"Sebagai contoh, projek ternakan Ayam Pedaging Sistem Tertutup FELCRA di Tanjung Seratus, Rompin dijangka mampu membekalkan 10 juta ekor ayam dalam tempoh tiga atau empat tahun akan datang.

"Apabila siap sepenuhnya kelak, projek itu berupaya menghasilkan tiga juta ekor ayam setahun dan dijadual beroperasi sepenuhnya pertengahan tahun hadapan selain turut diperluas ke Bagan Datuk (Perak), Padang Terap (Kedah) dan Kuala Lipis (Pahang).

"Projek itu membabitkan kawasan seluas 20.6 hektar dan kini berada pada tahap 60 peratus siap, ia sudah beroperasi secara percubaan dengan dua pusingan tuaian hasil," katanya.

Ahmad Jazlan berkata, KKDW turut memberi kepercayaan kepada FELCRA membangunkan estet padi berskala besar di Sabah dan Sarawak sebagai langkah berterusan menjamin

keselamatan bekalan padi negara, sekali gus membantu golongan petani untuk keluar daripada status miskin tegar.

Katanya, FELCRA bekerjasama dengan kerajaan negeri Sarawak dan Sabah dalam membangunkan antara 15,000 hingga 20,000 hektar tanah bagi penanaman padi secara berkelompok dan menyediakan bekalan hampir 300,000 tan setahun.

"Perkara ini secara dasarnya sudah dipersetujui kerajaan negeri Sabah dan Sarawak. Pembangunan estet padi berskala besar ini akan dilaksanakan di Kota Belud dan Kota Marudu di Sabah serta di Sri Aman, Sarawak.

"Usaha pembangunan estet padi FELCRA di Seberang Perak turut diteruskan membabitkan keluasan lebih 4,000 hektar dengan hasil keluaran kasar untuk dua musim setahun sehingga pertengahan tahun ini sebanyak 23,737 tan," katanya.

Ahmad Jazlan berkata, usaha fidlot turut diberi penekanan dan FELCRA kini menternak 4,000 lembu melalui sistem fidlot di Johor, Perak dan Sabah, dengan ladang di Perak dilengkapi pusat penyembelihan.

"FELCRA sentiasa mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk melaksanakan sistem fidlot bagi mengurangkan import dan memastikan bekalan daging lembu mencukupi," katanya.

Dalam tempoh setahun ini, KKDW turut membawa pelbagai sinar menerangi kehidupan kira-kira 209,000 masyarakat Orang Asli di segenap pelosok negara.

Dengan tekad mengubah hala tuju dan masa depan golongan itu, KKDW menubuhkan Urusetia Pembangunan Ekonomi Orang Asli melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dipengerusikan Timbalan Speaker Dewan Rakyat, Datuk Ramli Mohd Nor, yang juga adalah kaum Orang Asli.

Urusetia itu antara lain bertujuan menggalakkan aktiviti perniagaan dan meningkatkan taraf ekonomi Orang Asli yang kini menerima pelbagai pembaharuan dan kemajuan di lokaliti masing-masing, termasuk aspek perhubungan dan komunikasi.

Komitmen berterusan kerajaan dalam memberi pendidikan kepada setiap warganegara menyaksikan 379 pelajar Orang Asli berjaya memasuki IPTA dan

IPTS di seluruh negara, sekali gus membuktikan tiada pihak tercicir daripada peluang melangkah ke tahap tertuari.

Antara yang memberi kesan langsung ialah pertambahan peruntukan berjumlah RM28 juta untuk pembangunan sosioekonomi menerusi Belanjawan 2024, iaitu daripada RM305 juta tahun ini kepada RM333 juta.

Ketua Pengarah JAKOA, Datuk Sapiah Mohd Nor, berkata peruntukan itu merangkumi kemudahan ameniti sosial, bantuan sosial, peningkatan taraf hidup dan pembangunan di perkampungan Orang Asli.

"Sebagai agensi di bawah KKDW, JAKOA yakin peruntukan yang diumumkan itu akan dimanfaatkan bagi menaik taraf aspek infrastruktur dan ameniti sosial seperti dewan orang ramai, jalan perhubungan desa dan bantuan ekonomi bagi menambah pendapatan masyarakat Orang Asli," katanya.-[BHOnline](#)

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Star	Nation	11	27 Nov

# Seeing cracks in the egg industry

## Rising cost, due to higher feed and chick prices, pose trouble

By KHOO GEK SAN  
gek-san@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Despite the government's plan to allow for variable egg prices, the egg industry faces a substantial challenge due to the escalating production costs, mainly attributed to rising feed and chick prices.

The Veterinary Services Department (DVS) said the factors significantly influence the price of ex-farm eggs.

While acknowledging that the egg supply is stable, it said the poultry industry needs more time to fortify the supply chain against potential disruptions.

"These factors directly impact the ex-farm price of eggs, making it necessary to address them to achieve a sustainable and affordable market rate," it said in reply to queries from *The Star*.

The DVS said the egg industry is smaller than the broiler industry, with fewer players and a less developed support chain.

"The broiler industry has breeding farms (grandparent stock and parent stock) that provide replacement stock, while the egg industry

only has breeding farms (parent stock).

"Any disruption to the egg industry's replacement stock supply can significantly impact the entire production chain," it said.


It added that the reliance on imported grandparent egg stock exposes the industry to vulnerabilities such as availability, price fluctuations and global chicken disease issues.

It noted that chicken egg production was projected to be 737,704,260 eggs in September and 684,577,364 in October.

Johor Small and Medium Poultry Farmers' Association secretary Wong Wei Chang said the rising costs of raw materials and operations as well as the recent climate change have negatively affected chicken health and production.

"As the year-end approaches, adverse weather conditions and diseases are affecting the breeding of chickens on farms, making it impractical to enhance production.

"Currently, only large farms with sufficient funds can bolster production, and small-to medi-



**Eggs-tra careful:** A worker preparing chicken eggs for customers at the Jalan Raja Bot wet market. — AZMAN GHANI/The Star

um-sized farms are unable to dominate the market in terms of output," Wong said when contacted.

Wong's farm yields 150,000 eggs per day. He said eggs are scarce in the market, primarily due to a shortage of breeding chickens in May and June, leading to reduced egg production from September to October.

He said that the price of breeding chickens (chicks) on farms has risen from RM2 in 2020 to RM4.20 per chick, contributing to increased farm costs.

According to Wong, raising chicks into egg-laying hens takes 16 to 17 weeks and the egg production rate is not 100%.

"To sustain egg production on

and allow egg prices to fluctuate freely, the average price of each egg could be around 50 sen.

"It is challenging to lower egg prices this year due to various factors such as exchange rates, feed and chick prices," he added. Mydin managing director Datuk Ameer Ali Mydin said the availability of chicken eggs in the market has not fully recovered.

He suggested that authorities consider removing egg price controls to facilitate much-needed industry investments.

He said that removing price controls would yield results after a certain period, registering a significant time lag of three to five months for the egg production cycle to restart.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR